

Rampas tembakau awet

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

KOTA BHARU: Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) merampas 2,212kilogram (kg) tembakau diawet bersama dua van dengan anggaran nilai RM110,000.

Ketua Pengarah LKTN, Samsudin Noor berkata, semua tembakau itu diisi dalam 151 bungkus plastik yang dirampas pada Selasa lalu di Alor Pasir, Tanah Merah jam 1.30 pagi.

Katanya, tembakau yang dirampas adalah Tembakau Awetan Matahari dan Tembakau Awetan Pemanas yang dianggarkan berjumlah RM60,000, selain dua van bernilai RM50,000 dan ini adalah rampasan kedua yang dibuat pada tahun ini.

“Rampasan itu dibuat dengan kerjasama daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan bertindak atas maklumat orang awam dengan mengekori van dipandu dua lelaki, dipercayai dalam perjalanan ke lokasi tempat penyimpanan tembakau yang diseludup masuk dari negara jiran.

“Sehingga hari ini, tiada tangkapan yang dibuat kerana kedua-dua pemandu van berjaya melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pihak penguatkuasa.

“Kes ini disiasat di bawah Seksyen 52 (1) Akta LKTN 2009 (Akta 692) yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh memindahkan, membawa, mengangkut tembakau diawet atau mengambil bahagian dalam aktiviti berkenaan melainkan sudah mendapat kelulusan bertulis daripada LKTN terlebih dahulu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di pejabat LKTN, Kubang Kerian, Kota Bharu di sini, hari ini.

Samsudin berkata, tembakau yang diseludup bukan diberikan kepada syarikat yang berdaftar dalam industri pembuatan rokok atau tembakau jawa, sebaliknya ia dilihat untuk kegunaan mereka yang terbabit dalam industri tembakau yang lain.



Samsudin Noor (dua dari kiri) memeriksa tembakau yang dirampas. - Foto NSTP/Hazira Ahmad Zaidi

Pada masa sama, katanya buat masa sekarang, bekalan tanaman tembakau di dalam negara juga tidak banyak dan bagi industri yang masih lagi terbabit dalam perusahaan tembakau, mereka diberi kebenaran untuk mengimportnya.

“Pengusaha yang terbabit boleh mengimport tembakau ini sama ada dari negara jiran atau negara luar, namun mereka tetap akan dikenakan cukai.

“Kebiasaannya, bagi syarikat pengeluar tembakau, mereka akan memohon permit daripada LKTN dan pada tahun lepas kita meluluskan hampir 11 juta kg tembakau import.

“Sehingga kini, terdapat 16 syarikat pengeluar tembakau yang diberi lesen untuk menjalankan operasi mengeluarkan pelbagai jenis produk,” katanya.

Beliau berkata, LKTN akan berusaha keras dalam memastikan semua pihak mematuhi undang-undang yang ditetapkan dalam menjalankan aktiviti tembakau.

“Pada masa sama, pihak kami juga akan memperkasakan lagi penguatkuasaan dengan mempertingkatkan operasi menerusi rondaan dan pemeriksaan secara berkala serta menjalankan kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasa dan penduduk setempat,” katanya.